



UNIT PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

Rujukan : SUKNS.700-9/11/8 Jld 2 (13)

Tarikh : 12 hb Mac 2018

KENYATAAN SEBUT HARGA UNIT PERUMAHAN

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Tenaga dan CIDB MALAYSIA** dalam **Gred G1, G2 atau G3** dalam kategori pengkhususan **E04 dan E11** yang masih sah laku dibenarkan memenuhi tawaran ini bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

UP 6 / 2018 Kerja-Kerja Pencahayaan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Rumah Pangsa Senawang II, Negeri Sembilan.

2. Penender yang berminat hendaklah hadir ke **Rumah Pangsa Senawang II (Pintu Gerbang)**, untuk taklimat (**Wajib**) pada **19 Mac 2018 (Isnin)** jam **10.00 pagi**. **Sila bawa bersama sijil-sijil ASAL seperti yang dinyatakan di perenggan 1. Wakil TIDAK DIBENARKAN hadir ke sesi taklimat tersebut.** Penender hendaklah membawa bersama **COP SYARIKAT** semasa hadir untuk taklimat dan lawatan tapak tersebut.
3. Dokumen akan mula dijual pada **19 Mac 2018 (Isnin)** iaitu pada **pukul 3.00 petang**. Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang **ASAL** dan masih sah hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut. Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

HARI	WAKTU
ISNIN – KHAMIS	8.30 pagi – 12.30 tengahari
	2.15 petang – 4.30 petang
JUMAAT	8.30 pagi - 12.00 tengahari
	2.45 petang - 4.30 petang

4. Sebutharga akan ditutup pada **26 Mac 2018 (Isnin)** jam **12.00 tengahari**. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga, Unit Perumahan (UP), Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**. Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari, tidak akan diterima.
5. Bayaran sebanyak **RM 50.00** boleh dibuat secara **TUNAI / ~~WANG POS / WANG KIRIMAN POS / DERAJ BANK~~** bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.


(MOHDEAZLI BIN ABD JALIL)
Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
Unit Perumahan